

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

# PM tinjau proses saringan COVID-19

Komitmen petugas tutup Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi dapat pujian

Oleh Latifah Arifin dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam meluahkan masa meninjau secara dekat proses saringan COVID-19 di sekitar Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi, dekat Sepang, selepas lokasi itu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menerusi catatan di Facebook rasminya, Muhyiddin berkongsi pengalaman mengenakan peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang diwajibkan kepada petugas barisan hadapan, sebelum memasuki khemah tempat penghuni Medan 88 menjalani saringan COVID-19.

"Sejurus tiba jam 8.45 pagi, saya diberikan taklimat oleh Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, mengenai latar belakang kawasan Medan 88 dan bagaimana PKPD diputuskan untuk dilaksanakan di lokasi yang menempatkan pelbagai premis perniagaan itu.

"Dari khemah taklimat didirikan di tepi jalan utama, iaitu di

luar kawasan berpagar saya berjalan melintasi deretan kedai dan laluan antara bangunan sebelum tiba di khemah ujian COVID-19 yang terletak kira-kira 100 meter.

"Beberapa premis perniagaan dilihat tidak beroperasi, manakala sebahagian besar dibuka seperti biasa," katanya.

Turut sama dalam lawatan itu ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Perdana Menteri turut mengulas keadaan sepanjang ujian saringan dijalankan dan memuji komitmen petugas keselamatan yang bertungkus-lumus menutup seluruh kawasan Zon Merah itu sejak petang kelmarin.

Muhyiddin juga sempat bertanyakan khabar dengan salah seorang penduduk, Ahmad Bahiyuddin Syafiq Ahmad Rosdi, 23, yang melakukan ujian swab.

Beliau turut berkongsi pengalamannya menjalani ujian swab berkali-kali kepada Ahmad Bahiyuddin Syafiq sambil berkata kos ujian swab COVID-19 di fasiliti swasta boleh mencecah sehingga RM300.



Muhyiddin melihat proses saringan terhadap penduduk di pusat perniagaan Medan 88 Bandar Salak Tinggi, Sepang. (Foto FB Muhyiddin Yassin)

Sementara itu, Dr Sha'ari ketika ditemui media berkata pihaknya mengesan dua kes positif di kawasan berkenaan pada 4 Oktober lalu, dan sejak itu pengesanan kes secara aktif dijalankan.

Susulan itu, 113 orang sudah disaring dengan 35.3 peratus atau 40 orang disahkan positif.

"Ini kadar yang agak tinggi (sebab itu) kita mencadangkan diadakan saringan secara berkala iaitu *targeted* (bersasar) dan juga sudah *mobilised* (mengerah) 60 orang kakitangan untuk bertugas di kawasan ini.

"Kita berharap aktiviti ini dapat memutuskan rantaian COVID-19 di kawasan ini," katanya. Kawasan berkenaan berkeluasan kira-kira 2.64 hektar yang menempatkan 284 premis dengan kira-kira 800 penduduk yang majoritinya adalah warganegara.

Rina ketika ditemui berkata, pihaknya menyediakan 500 bakul makanan yang akan diedarkan kepada penduduk setempat dan pihaknya akan menyediakan bantuan mengikut keperluan penduduk dari semasa ke semasa.

Sementara itu, lebih 400 penghuni di premis perniagaan Medan Medan 88 itu mula menjalani ujian saringan COVID-19 sejak awal pagi lagi.

Tinjauan mendapati penghuni hadir mulai jam 8 pagi selepas

pelaksanaan PKPD bermula di kawasan itu tengah malam semalam.

Dr Sha'ari berkata, pihaknya dibantu polis untuk pergi-ke setiap premis kediaman bagi menjalankan ujian saringan.

Penghuni yang selesai menjalani ujian dipakalkan gelang tangan dan diarah menjalani kuarentan.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) akan menjalankan ujian saringan kedua pada hari ke-13 nanti.

"Kawasan ini dikenakan pelaksanaan PKPD kerana terdapat dua kes positif kluster Bah Medan dikesan pada 4 Oktober lalu, manakala 40 kes lagi dikesan selepas ujian saringan dilaksanakan terhadap 113 individu dan mereka kini menerima rawatan di Hospital Sungai Buloh (HSB)," katanya.

Seramai 60 kakitangan KKM, 18 anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), 49 anggota tentera termasuk pegawai dan 100 anggota polis ditugaskan di PKPD ini.

**Ini kadar yang agak tinggi (sebab itu) kita mencadangkan diadakan saringan secara berkala iaitu *targeted* (bersasar) dan juga sudah *mobilised* (mengerah) 60 orang kakitangan untuk bertugas di kawasan ini.**

**Dr Sha'ari Ngadiman,**  
Pengarah Kesihatan Selangor

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Aktiviti lapangan dipertingkatkan, diperkukuh

Kadar nilai kebolehjangkitan tunjuk petanda positif

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kadar nilai kebolehjangkitan (Rt) atau R-naught (R0) berdasarkan kes harian direkodkan di Malaysia menunjukkan petanda baik, apabila turun kepada kurang 1.0 berbanding 2.2 ketika gelombang ketiga COVID-19 mula melanda negara.

Berikutan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata aktiviti di lapangan dalam usaha mengengkang penularan wabak terbahit perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan khususnya di Sabah.

"Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) berdasar di Sabah berjaya mengurangkan kes.

"Harap dalam tempoh seming-

gu atau dua minggu lagi, kita dapat kawal penularan dan jangkitan di Sabah," katanya ketika sidang media harian COVID-19 semalam.

Beliau mengakui pelaksanaan PKPB terutama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai langkah tepat dan keadaan mungkin lebih buruk jika ia lewat dilaksanakan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata Malaysia mengambil pendekatan mencegah dan mengawal berbanding kaedah kumpulan imuniti sebagai strategi membendung penularan COVID-19.

Katanya, kaedah dilaksanakan lebih berkesan dengan intervensi dilakukan terhadap orang awam, selain kawalan sempadan negara bagi mengengkang penularan jangkitan berpunca wabak pandemik itu.

Bagaimanapun, beliau berkata selagi vaksin atau ubat berkesan



**Kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia** menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap penduduk di Bayan Lepas, semalam. (Foto Danial Saad/bh)

belum ditemui, pihaknya tidak dapat memastikan kaedah mana betul atau salah.

"Sebelum mula pandemik COVID-19, ada dua 'school of thought' (pendekatan) dan kami selalu mengamalkan kedua-duanya. Pada satu masa kami tidak tahu apa yang dilakukan sama ada betul atau salah.

"Kita melaksanakan pencegahan dan pengawalan untuk membendung individu daripada dijangkiti. Kami tidak pasti konsep mana betul atau salah, tetapi sepanjang 10 bulan lalu, kita boleh lihat pendekatan mencegah dan mengawal menjadikan kes boleh dibendung dan diuruskan berbanding pendekatan kumpulan imuniti yang beberapa negara amalkan. Sweden salah satunya," katanya.

Mengenai statistik harian COVID-19, Dr Noor Hisham memaklumkan sejumlah 822 kes positif baharu dicatatkan semalam, dengan tujuh membabitkan kes import menjadikan kumulatif 42,872 kes COVID-19 di Malaysia, yang mana 11,497 kes aktif dengan kebolehjangkitan.

"Sabah mencatatkan 259 daripada keseluruhan kes positif hari ini (semalam) manakala negeri di Lembah Klang mencatatkan 202 kes.

"Sehingga ini, terdapat 86 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 30 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, dua kematian direkodkan semalam, menjadikan kumulatif 302 kes

atau bersamaan 0.7 peratus daripada kes keseluruhan.

"Kes kematian yang dilaporkan itu membabitkan dua wanita berusia 22 dan 67 tahun dan bukan warga negara, masing-masing di Sabah. Seorang mangsa mempunyai latar belakang penyakit jantung reumatik dan aritmia jantung, manakala seorang lagi menghidap osteoarthritis dan gastritis.

"Sejumlah 769 kes pulih COVID-19 dicatatkan hari ini (semalam) sekali gus menjadikan kumulatif 31,073 kes atau 72.5 peratus," katanya.

Beliau berkata, tiga kluster baharu turut dilaporkan semalam membabitkan Kluster Karamunting di Sandakan, Kluster Saga di Kota Kinabalu dan Kluster Haven di Lahad Datu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Vaksin dibangunkan Pfizer perlu penelitian menyeluruh

Pakar minta rakyat usah teruja, terus ikuti langkah pencegahan

Oleh Mahani Ishak mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kalangan pakar kesihatan berpendapat kerajaan perlu melakukan penilaian menyeluruh, walaupun syarikat farmaseutikal gergasi Amerika Syarikat (AS), Pfizer, kelmarin mengumumkan vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkannya berjaya menca-

tatkan keberkesanan hingga 90 peratus.

Mereka berpendapat perkembangan itu belum dapat menjangkakan 100 peratus keberkesanan berikutan banyak perkara perlu disahkan terlebih dahulu.

Bagi pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, kemampuan negara daripada aspek logistik dan penyimpanan juga perlu diambil kira kerana vaksin itu dikatakan memerlukan suhu -80 darjah Celcius, termasuk fasiliti pengilang hingga ke peringkat pengagihan kepada pengguna.

"Penting juga diberi perhatian adalah aspek keselamatan kerana kerajaan perlu memastikan ia selamat, berkesan (serta) kapasiti yang boleh diperole-

berikutan seluruh dunia mengharapkan vaksin untuk menyembuhkan vaksin COVID-19," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Pfizer mendakwa keputusan ujian klinikal yang dilakukan terhadap lebih 40,000 orang adalah satu pencapaian yang sangat bermakna dalam usaha menghasilkan vaksin berkenaan ketika jangkitan global kini melepasi angka 50 juta, termasuk di AS yang mencecah 10 juta kes.

Mengulas lanjut, Dr Sazaly berkata, masyarakat tidak boleh terlalu teruja sehingga mengabaikan langkah pencegahan kerana ia baru fasa ketiga ujian klinikal dan masih memerlukan tempoh lama untuk tersedia di pasaran dunia.

"Kita perlu optimis dengan calon vaksin lain kerana pembangunan vaksin ini menggunakan teknologi berbeza dan kita tidak seharusnya bergantung hanya pada satu," katanya. Sementara itu, Dekan dan Pensyarah Farmasi Klinikal, Fakulti Farmasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Makmor Bakry, berkata pencapaian Pfizer itu satu perkembangan positif kerana ujian itu sudah dilakukan ke atas kira-kira 40,000 pesakit.

Kebiasaannya ujian percubaan vaksin dilakukan ke atas

1,000 hingga 5,000 pesakit pada peringkat fasa tiga dan kemudian ia masih diuji lagi ketika vaksin terbabit sudah berada di pasaran.

"Cuma persoalan mengenai keberkesanannya kerana penghasilan apa sahaja vaksin sebelum ini mengambil masa sekurang-kurangnya tiga atau empat tahun, tetapi disebabkan pandemik COVID-19, vaksin itu dihasilkan kurang daripada setahun.

"Jadi walaupun vaksin itu sudah tersedia, peringkat seterusnya penentuan penilaian Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), iaitu badan yang memberi pendaftaran sesuatu vaksin luar kerana syarikat penguji akan membentangkan data daripada awal penyelidikan. Ujian klinikal (akan dilakukan) sebelum diterima atau ditolak pendaftarannya," katanya.

Beliau berkata, seelok-eloknya vaksin Pfizer itu mendapat kelulusan pendaftaran Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan (FDA) AS.

"Tidak juga menjadi masalah kepada syarikat vaksin lain untuk meneruskan penyelidikan yang sedang dibuat, asalkan ia tidak menyamai seperti dipatenkan Pfizer, malah syarikat terbabit juga boleh menjalankan usaha sama dengan Pfizer," katanya.



**Penting juga diberi perhatian adalah aspek keselamatan kerana kerajaan perlu memastikan ia selamat.**

**Dr Sazaly Abu Bakar,**  
Pakar virologi UM

## Nafi takut mati punca tak turun padang

**Putrajaya:** "Tidak timbul isu takut mati. Sebagai orang Islam kita terima kematian di mana-mana ia akan berlaku, bukan hanya turun padang atau tidak."

Itu reaksi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, mengulas dakwaan beliau tidak turun padang meninjau perkembangan kes COVID-19 dan bertemu kakitangan kementerian di Sabah.

"Jelasnya, selain beliau, timbalannya, Datuk Dr Chong Chee Kheong dan Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood, juga turun padang di Sabah melihat situasi semasa.

Sehubungan itu, beliau menegaskan tidak timbul isu takut mati atau sebaliknya kerana apa yang beliau dan pasukannya lakukan ketika

ini adalah dengan niat untuk memutuskan rantaian COVID-19.

"Kementerian Kesihatan sudah pun membuat perancangan khusus di Sabah dan saya sendiri turun padang pada akhir Ogos lalu untuk melihat pengurusan kesiapsiagaan kita dalam Pilihan Raya Negeri Sabah," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, yang lebih penting adalah niat untuk melaksanakan tugas dan memutuskan rantaian COVID-19 dalam negara yang diamanahkan kepadanya.

Beliau berkata, tiada masalah untuk berselisih pendapat namun mesti ada niat yang sama.

"Kita boleh selisih penda-

pat tetapi yang pasti apa yang kita laksanakan adalah untuk memutuskan jangkitan COVID-19 supaya kita dapat menyelamatkan negara kita daripada peningkatan kes dan kematian," katanya.

Dalam sesi perbincangan Dewan Rakyat semalam, Ahli Parlimen Bintulu Datuk Seri Tiong King Sing, menyebut Dr Noor Hisham sebagai 'takut mati' kerana tidak turun ke lapangan meninjau situasi COVID-19 yang semakin buruk di Sabah, sebaliknya hanya membuat sidang media harian untuk publisiti.

Kenyataan King Sing itu yang didakwanya sekadar menyuarakan pandangan masyarakat, mencetuskan kekecohan dalam dewan apabila RSN Rayer (PH-Jelutong) diarah keluar dewan selepas enggan akur kepada arahan Timbalan Speaker, Datuk Seri Azalina Othman, yang meminta beliau duduk.



BH TV



Tweet dari Dr Noor Hisham.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 49

RUANGAN : DUNIA

## Penularan COVID-19

# 'Vaksin beri harapan, cetus persoalan'

Data belum lengkap, tempoh keberkesanan jadi tanda tanya

**Paris:** Laporan mengenai penghasilan vaksin COVID-19 yang menunjukkan keputusan meyakinkan, memberi harapan kepada dunia yang dilanda lonjakan kes virus itu.

Bagaimanapun, adakah ia bermakna pandemik itu akan berakhir? Tidak semestinya, kata beberapa pakar, berikutan masih banyak persoalan mengenai siapa yang akan dilindungi vaksin itu dan berapa lama tempoh perlindungan.

Isnin lalu, syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat (AS), Pfizer dan rakan kongsi dari Jerman, BioNTech mengumumkan vaksin mereka mencatatkan 90 peratus berkesan mengelak jangkitan COVID-19 ketika ujian fasa tiga.

Vaksin terbabit, satu daripada beberapa vaksin yang dibangunkan, menggunakan teknologi inovatif yang belum pernah digunakan sebelum ini.

Meskipun keberkesanannya mencetus keterujaan, dengan data yang belum lengkap, masih belum dapat diketahui berapa



Marie-Paule Kieny

lama vaksin itu bertahan, serta sama ada akan melindungi kumpulan paling berisiko dan bagaimana ia diagihkan di seluruh dunia.

Pengumuman Pfizer dan BioNTech adalah berasaskan keputusan awal dalam fasa terakhir ujian klinikal, sebelum mendapatkan membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan.

Mereka mendakwa vaksin itu didapati '90 peratus berkesan' dalam memastikan peserta tidak dijangkiti, berdasarkan 94 kes COVID-19 dikesan dalam ujian yang membabitkan 43,538 individu.

Bagaimanapun, pengumuman itu tidak memperincikan jumlah pesakit dijangkiti berada dalam kumpulan yang menerima vaksin, dan berapa yang diberikan placebo.

"Keputusan ujian ini menarik, namun kita perlu melihat pada data yang masih belum diterbitkan" kata Pakar Virologi Perancis, Marie-Paule Kieny, yang mengetuai penyelidikan di Inserm dan bekas Pengarah di Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Data lain masih dikumpulkan, khususnya mengenai keselamatan, namun kedua-dua firma itu menjelaskan 'tiada isu keselamatan serius' dikesan.

Profesor pelawat Perubatan Farmaseutikal di King's College London, memberitahu Pusat Media Sains, tempoh perlindungan vaksin itu masih belum dapat diketahui kerana keberkesanannya diuji tujuh hari selepas pesakit menerima suntikan terakhir daripada dua dos vaksin, 28 hari selepas suntikan awal.

"Susulan dalam tempoh yang lebih lama diperlukan ketika penularan wabak untuk memastikan keperluan suntikan dos berulang," katanya.

Bruno Pitard dari pusat penyelidikan saintifik kebangsaan CNRS Perancis, memberitahu AFP bahawa antara cabaran ialah untuk mengetahui bagaimana keberkesanan vaksin berubah dalam jangka panjang.

"Selepas tiga minggu, sebulan hingga empat bulan, kita akan lihat sama ada perlindungannya kekal sama," katanya. AFP



Orang ramai beratur untuk melakukan ujian COVID-19 di Los Angeles, California. (Foto AFP)

## AS catat rekod baharu lebih 200,000 kes sehari

**Washington:** Amerika Syarikat (AS) kelmarin melepasi rekod jangkitan harian COVID-19 pada hari sebelumnya, apabila merekodkan 201,961 kes dalam tempoh 24 jam, menurut perangkaan Universiti John Hopkins.

Jumlah tinggi itu, berkeungkinan disebabkan oleh kelewatan data kerana hujung minggu, menjadikan keseturuhan kes di AS kepada 10,238,243 dengan 239,588 kematian setakat jam 8.30 malam (waktu tempatan), kelmarin.

Dalam tempoh 24 jam, 1,535 kematian daripada COVID-19 didaftarkan, satu rekod dalam tempoh beberapa bulan sejak AS bertungkus lumus membendung penularan wabak.

Untuk tempoh seminggu, jumlah jangkitan baharu melonjak sehingga lebih 100,000

setiap hari.

Kadar kemasukan pesakit ke hospital turut tinggi, apabila lebih 60,000 individu terpaksa menerima rawatan di seluruh negara, lapor Projek Mengesan COVID.

Presiden Donald Trump, yang enggan mengaku kalah pada pilihan raya Presiden 3 November lalu, berulang kali mempersendakan orang ramai kerana menggunakan pelitup muka dan mendakwa, virus berkenaan akan terhapus dengan sendiri.

Pemenang sebenar, Joe Biden bagaimanapun berikrar akan mengambil pendekatan lebih proaktif dan memberitahu negara, penggunaan pelitup muka adalah kaedah terbaik dalam mengawal penyebaran virus. AFP

## Angka positif global melebihi 51.2 juta

**Washington:** Jumlah kumulatif kes positif global COVID-19 kini melepasi 51.2 juta.

Ini berikutan ratusan ribu kes jangkitan baharu direkodkan dalam tempoh 24 jam lalu, menurut data terbaru Johns Hopkins University.

Setakat ini, jumlah kes positif COVID-19 di seluruh dunia adalah 51,284,467, dengan Amerika Syarikat (AS) terus kekal sebagai negara paling teruk terjejas dengan 10,209,870 kes.

Ini diikuti India dengan 8,591,730 kes, manakala Brazil merekodkan 5,675,032 kes.

Negara lain yang turut melepasi angka satu juta kes adalah Perancis, Russia, Sepanyol, Argentina, United Kingdom dan Colombia manakala Mexico, Peru, Afrika Selatan, Jerman, Iran, Poland, Chile, Iraq dan Belgium termasuk dalam negara yang merekodkan lebih setengah juta kes.

Negara dalam lingkungan angka 300,000 hingga 500,000

kes jangkitan COVID-19 adalah Ukraine, Indonesia, Belanda, Bangladesh, Filipina, Turki, Arab Saudi dan Pakistan dan sebanyak 25 negara pula merekodkan angka positif COVID-19 dalam lingkungan 100,000 hingga 300,000 kes.

Sementara itu, jumlah kematian di seluruh dunia kini menghampiri 1.3 juta.

Mengikut statistik universiti itu, bilangan kumulatif kematian global akibat COVID-19 kini berjumlah 1,269,199 kes.

AS kekal merekodkan jumlah kematian tertinggi dengan 239,374, diikuti Brazil dengan 162,628, manakala India dan Mexico masing-masing merekodkan 127,059 dan 95,027 kes.

Bilangan kes kematian di United Kingdom setakat ini sebanyak 49,861 kes, Itali (42,330) dan Perancis (41,049) dan negara yang mencatatkan angka korban melebihi 30,000 ialah Sepanyol, Iran, Peru, Argentina, Colombia dan Russia. AGENSI



India negara kedua paling teruk terjejas dengan 8,591,730 kes. (Foto AFP)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

# CATAT 822 KES BAHARU

*KKM turut kenal pasti tiga kluster baharu di Sabah*

Oleh Amir Abd Hamid  
dan Mahaizura Abd Malik  
am@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Sebanyak 822 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini berjumlah 42,872 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan adalah 11,497 kes.

Katanya, Sabah mencatatkan sebanyak 259 kes (31.5 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada semalam.

"Negeri di Lembah Klang

pula mencatatkan sebanyak 202 kes (24.6 peratus) daripada jumlah keseluruhan," katanya dalam sidang media, semalam.

Katanya, terdapat 86 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 30 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Maklumat terkini yang dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Krisis (CPRC) Kebangsaan memaklumkan pertambahan dua kes kematian berkaitan Covid-19.

"Justeru, jumlah kumulatif

kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah 302 kes iaitu 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 769 kes pulih direkodkan hari ini (semalam) dengan menjadikan keseluruhan kes pulih di negara ini ialah 31,073 kes.

Sementara itu, KKM mengenal pasti tiga lagi kluster baharu di Sabah iaitu Kluster Karamunting di Sandakan, Kluster Saga dikesan di Kota Kinabalu dan Kluster Haven membabitkan Lahad Datu.

Sebanyak 769  
kes pulih direkodkan  
semalam

**Kuala Lumpur:** Medan 88 di Salak Tinggi, Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula semalam hingga 25 November ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sehingga 5 November lalu sebanyak 39 kes positif Covid-19 direkodkan dan atas nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam, kerajaan bersetuju untuk

## Medan 88 pula dikenakan PKPD

melaksanakan PKPD di kawasan itu.

"Pelaksanaan PKPD membabitkan sebanyak 88 unit rumah kedai, 284 premis dan seramai 800 orang penduduk," katanya pada sidang media harian Covid-19, semalam.

Ismail Sabri berkata, prosedur operasi standard

(SOP) PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini.

"Bagaimanapun, premis perniagaan bagi barangan keperluan asas dibenarkan untuk beroperasi.

"KKM akan melakukan saringan bersasar kepada semua penghuni di kawasan berkenaan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

Oleh Raja Noraina  
Raja Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Sidang Dewan Rakyat semalam kecoh seketika apabila Ahli Parlimen Jelutong, RSN Rayer diarah keluar dewan selepas enggan duduk ketika mencelah sesi perbahasan.

Keputusan itu dibuat Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Seri Azalina Othman Said yang meminta Rayer duduk ketika sesi perbahasan Datuk Seri Tiong King Sing (GPS-Bintulu) berkaitan usaha memerangi pandemik Covid-19 di kawasan Sabah dan Sarawak.

"Yang Berhormat (YB) semua duduk...tolong duduk Jelutong, macam mana saya nak buat keputusan jika kamu berdiri, tolong duduk, tolong duduk, tolong duduk!"  
"Jelutong, saya beri amaran jika tidak duduk kamu keluar. Kamu enggan duduk, bentara keluaran Jelutong," katanya ketika perbahasan peringkat dasar Rang Undang-Undang Perbekalan 2021.

Terdahulu, episod kekecohan berkenaan bermula apabila King Sing menuduh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah takut mati.

"DG (Ketua Pengarah Kesihatan) hari-hari buat berita, bagi *office boy* (budak pejabat) boleh baca. Kenapa

# TOLONG DUDUK!

Ahli Parlimen Jelutong diusir selepas berang Tiong King Sing dakwa KP Kesihatan 'takut mati'



RAYER

dia tidak turun padang... Macam di Kota Kinabalu, Sabah begitu teruk pandemik Covid-19.

"Kenapa dia tidak melawat setiap hospital, berbincang dan beri sokongan kepada *frontliners*. Jangan hantar doktor, jururawat saja pergi sebab itu orang (mereka) tidak takut mati, tapi DG takut mati," katanya.

Rayer yang tidak berpuas hati dengan kenyataan berkenaan meminta King Sing menarik balik



TIONG

kenyataannya serta menyifatkan Dr Noor Hisham perlu dihormati sebagai barisan hadapan menangani Covid-19 di negara.

"Saya minta Bintulu tarik balik kenyataan DG takut mati. Saya tak akan benarkan dia hentam DG. DG adalah petugas barisan hadapan.

"Jangan kurang ajar Bintulu. Tarik balik minta maaf. Mana boleh hentam DG," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

# Negara terus catat perkembangan positif dengan jumlah pulih tinggi Kes Covid-19 kekal tiga angka

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian negara masih kekal pada paras tiga angka semalam dengan 822 kes direkodkan, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 42,872 kes.

Angka tersebut antara lain turut disumbangkan oleh 51 kluster aktif dengan tiga daripadanya ialah kluster baharu iaitu Kluster Karamunting, Kluster Saga dan Kluster Haven.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 259 kes atau 31.5 peratus disumbangkan oleh negeri Sabah, manakala sebanyak 202 kes atau 24.6 peratus membabitkan kes negeri-negeri di Lembah Klang.

Negeri Sembilan pula merekodkan 225 kes termasuk 221 kes dilaporkan dalam kluster sediak ada dengan Seremban dan Port Dickson masih berada di zon merah.

Selain itu, Kluster Tembok merekodkan 15 kes, Kluster Penjara Kepaduan dengan tiga kes, Kluster PTS Tawau dan Kluster Rumah Merah masing-masing dua kes. Kluster merekodkan satu kes ialah Kluster Penjara Sandakan dan Kluster Penjara Seberang Perai.

Negara semalam terus mencatat perkembangan positif apabila 769 kes pesakit sembuh menjadikan keseluruhan kes sembuh sebanyak 31,073.



**PELAJAR** tingkatan lima, Muhammad Arisyaq Mohamad Arishan (kiri) dan Luqman Hakim Mad Isa terpaksa 'menumpang' kemudahan internet di sebuah stesen minyak di Kampung Barokhas, Kuala Nerang semalam untuk mengikuti kelas dalam talian. – SHAHIR NOORDIN

Terdapat dua kes kematian semalam membabitkan wanita warga asing berusia 22 dan 67 tahun di Hospital Tuaran dan Hospital Duchess of Kent, Sabah dengan pelbagai latar belakang penyakit menjadikan 302 kes

kematian terkini berkaitan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak tiga kluster baharu dilaporkan semalam dan satu daripadanya ialah Klus-

ter Karamunting di Sandakan dengan 21 kes positif.

Menurutnya, kluster tersebut melibatkan kes indeks saringan bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, manakala kes positif lain dima-

## Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

|                                | Jumlah        |
|--------------------------------|---------------|
| • Kes baharu                   | 822           |
| <b>Import: 7 Tempatan: 815</b> |               |
| • Pulih                        | 769           |
| • Kematian                     | 2             |
| • Masih dirawat                | 11,497        |
| • Jumlah kes sembuh            | 31,073        |
| • Jumlah Kematian              | 302           |
| <b>Jumlah kes keseluruhan</b>  | <b>42,872</b> |

sukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di Kompleks Sukan Sandakan dan Dewan Rafflesia Sandakan.

"Kluster Saga pula di Kota Kinabalu dengan sembilan kes positif dikenal pasti susulan daripada kes indeks hasil saringan bergejala dan kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

"Seterusnya, Kluster Haven di Lahad Datu dengan 11 kes selepas lima kes indeks kluster ini dikenal pasti hasil saringan bergejala dan telah dimasukkan ke akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, sebanyak tujuh kes import dilaporkan semalam termasuk seorang daripadanya warga Malaysia yang tiba dari India, Kanada, Indonesia, Emiriyah Arab Bersatu, Afghanistan, Russia dan Arab Saudi.

# PKPB dikuat kuasa elak zon hijau, kuning bertukar merah



Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**PETALING JAYA** – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertujuan untuk mengelakkan zon berstatus hijau atau kuning bertukar menjadi merah.

Menteri Kanan (Pertahanan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan tidak boleh mengambil pendekatan 'memadam api' seperti yang dilakukan sebelum ini.

"Di Selangor, kita mulakan (PKPB) di Mukim Klang, waktu itu Mukim Kapar tidak dikenakan. Akhirnya, kes merebak ke Mukim Kapar dan di daerah-daerah lain pergerakan masih bebas kerana tidak diisytiharkan PKPB.

"Ketika itu, kita menunggu kawasan bertukar merah baru kita perkenalkan PKPB," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pertahanan semalam.

Ujar beliau, cara itu mengaki-



ISMAIL SABRI

Baru Salak Tinggi di Sepang dekat sini bermula hari ini hingga 25 November depan.

"Sebanyak 39 kes positif Covid-19 telah direkodkan di kawasan berkenaan sehingga 5 November lalu. PKPD ini akan melibatkan sebanyak 88 unit rumah kedai, 284 premis dan seramai 800 orang penduduk.

"PKPD ini juga membolehkan Kementerian Kesihatan terus melaksanakan saringan bersasar dan mengawal pergerakan individu bagi memutuskan penularan dalam komuniti," katanya.

Ujarnya, namun, premis perniagaan bagi barangan keperluan asas dibenarkan untuk beroperasi.

Tambahnya, PKPD di empat lokaliti iaitu Penjara Reman dan Kuarters Penjara Reman di Pulau Pinang serta Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah, di Lahad Datu, Sabah ditamatkan hari ini.

batkan penularan di daerah lain yang menyebabkan kes positif Covid-19 semakin bertambah.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Medan 88, Bandar

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 7  
 RUANGAN : NEGARA

KP Kesihatan bidas kenyataan King Sing, matlamat utama putus Covid-19

## Tak timbul isu takut mati – Noor Hisham

**KUALA LUMPUR** – Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah membidas kenyataan dikeluarkan Datuk Seri Tiong King Sing (**GPS-Bintulu**) yang menyatakan dirinya 'takut mati' pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Noor Hisham berkata, beliau telah turun ke Sabah pada penghujung Ogos lalu bagi melihat kesiapsiagaan petugas kesihatan menghadapi pilihan raya negeri dalam usaha mengekang penularan Covid-19.

Malah katanya, Timbalannya, Datuk Dr. Chong Chee Kheong dan Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood masing-masing juga telah turun ke Sabah pada minggu lalu dan dua minggu lalu untuk melihat pengurusan Covid-19 dan isu-isu yang timbul di sana.

"Tidak timbul isu yang kita takut mati. Sebagai orang Islam, kita terima kematian bila-bila dan di mana pun boleh berlaku, bukan soal turun padang atau tidak.

"Apa yang paling penting, kita mahu putus rantai Covid-19. Kita boleh berbeza pen-



**KING SING** menyentuh usaha memerangi pandemik Covid-19 di Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat, Parlimen semalam.

dapat tetapi matlamat utama adalah memutuskan rantaian Covid-19 supaya dapat menyelamatkan negara daripada peningkatan kes dan kadar kematian," katanya.

Noor Hisham berkata demikian ketika menjawab pertanyaan berhubung tindakan King Sing yang menyifatkan beliau 'takut mati' ketika menyentuh usaha

memerangi pandemik Covid-19 di Sabah dan Sarawak pada perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 Belanjawan 2021.

"DG (Ketua Pengarah Kesihatan) kenapa tidak turun padang, kerana di Kota Kinabalu, Sabah sekarang teruk pandemik Covid-19 di sana, kenapa dia tidak turun melawat hospital?"

"Pergi turun tengok dan berbincang untuk menguruskan frontliners (petugas barisan hadapan), doktor dan jururawat. Jangan hantar sahaja. Frontliners tidak takut mati tapi DG takut mati, Timbalan DG pun tak pergi apa sudah jadi. Hari-hari buat publisiti tapi dilihat lekuk masih belum dapat diturunkan," katanya.



**NOOR HISHAM**

Kenyataan itu menyebabkan Ahli Parlimen, RSN Rayer (**PH-Jelutong**) dan beberapa Ahli Parlimen pembangkang menyerang King Sing, manakala Datuk Seri Shahidan Kassim (**BN-Arau**) meminta agar pertikaian berkenaan dihentikan.

"Jangan hina pegawai kerajaan. Beliau (Noor Hisham) juga petugas barisan hadapan," katanya.

Tindakan Rayer yang enggan mendengar teguran Timbalan Speaker, Datuk Seri Azalina Othman menyebabkan beliau diarah keluar dari Dewan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 'Tiada isu takut mati'

Dr Noor Hisham jawab tuduhan ahli Parlimen persoal beliau tidak turun padang ke Sabah

### PUTRAJAYA

**K**etua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tidak timbul isu takut mati dalam melaksanakan tugasnya untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 di negara ini.

Mengulas dakwaan seorang ahli Parlimen yang mempersoalkan beliau tidak turun padang ke Sabah, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah membuat perancangan khusus untuk Sabah dan beliau sendiri pergi ke negeri itu pada akhir Ogos lalu untuk

melihat pengurusan dan kesiapsiagaan KKM utamanya bagi Pilihan Raya Negeri Sabah.

"Saya juga telah arahkan timbalan saya, Datuk Dr Chong Chee Kheong untuk turun bersama minggu lepas. Tan Sri Jemilah Mahmood (Penasihat Khas Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam) juga turun dua minggu lepas untuk melihat pengurusan dan isu-isu di Sabah.

"Tidak timbul isu kita takut mati. Kita sebagai orang Islam, kita terima kematian itu boleh berlaku di mana-mana, bukan hanya turun padang ataupun tidak," katanya pada sidang akhbar harian perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, apa yang penting ialah niat untuk melaksanakan tugas dan



DR NOOR HISHAM

memutuskan rantaian Covid-19 dalam negara.

"Kita boleh selisih pendapat, tetapi apa yang kita laksanakan ialah memutuskan jangkitan Covid-19 dalam negara supaya dapat selamatkan negara kita," katanya.

Persidangan Dewan Rakyat semalam kecoh susulan kenyataan 'DG (Ketua Pengarah Kesihatan) takut mati' dikeluarkan Datuk Seri Tiong King Sing (GPS-Bintulu) pada sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

King Sing ketika membahaskan rang undang-undang itu mempersoalkan Dr Noor Hisham yang tidak turun padang untuk melihat sendiri situasi Covid-19 di lapangan, sebaliknya hanya membuat sidang media setiap hari melalui siaran langsung televisyen. - Bernama

## 822 kes baharu, dua kematian

**KUALA LUMPUR** - Malaysia merekodkan 822 kes baharu Covid-19 dan dua kematian dalam tempoh 24 jam lalu, sekali gus mencatatkan jumlah kumulatif sebanyak 42,872 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh itu, sebanyak 769 kes pulih turut direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 31,073 kes atau 72.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


Mengenai pecahan kes tempatan semalam, katanya, Sabah terus mencatatkan jumlah tertinggi dengan 258 kes diikuti Negeri Sembilan (225), Selangor (176), Labuan (46), Pulau Pinang (26), Kuala Lumpur (17), Kedah (17) dan masing-masing 14 kes di Sarawak dan Perak.

Selain itu, Johor mencatatkan 10, Melaka (6), Putrajaya (3), Perlis (2) dan satu kes di Kelantan.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes baharu itu, tujuh merupakan kes import melibatkan seorang warganegara dan enam bukan warganegara yang masing-masing pulang dari India, Kanada, Indonesia, Arab Saudi, Afghanistan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Rusia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pertambahan dua kematian direkodkan di Sabah melibatkan wanita bukan warganegara. - Bernama

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# PKPD di empat lokasi tamat

Penilaian dibuat KKM selepas situasi kes menunjukkan trend penurunan dan terkawal

KUALA LUMPUR

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat kawasan termasuk Penjara Reman dan Kuarters Penjara Reman, Daerah Timur Laut di Pulau Pinang, ditamatkan semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Tantan



PKPD di Jalan Penjara melibatkan Penjara Reman dan Kuarters Penjara Reman Pulau Pinang ditamatkan semalam.

Khazanah Indah di Lahad Datu, Sabah yang sepatutnya tamat pada 23 November juga ditamatkan lebih awal bermula semalam.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 1,178 saringan dan 189 kes positif Covid-19 direkodkan di

kawasan penjara ini. Bagaimanapun, penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM mendapati situasi kes menunjukkan trend penurunan dan terkawal dengan kes terakhir positif ialah pada 5 November lepas.

"Atas nasihat dan penilaian risiko yang dilak-

sanakan KKM, sidang khas hari ini (semalam) bersetuju menamatkan PKPD di Penjara Reman dan Kuarters Penjara Reman Pulau Pinang pada hari ini (semalam) sebagaimana yang dijadualkan," katanya pada sidang akhbar perkembangan Perintah Kawalan Perge-



ISMAIL SABRI

rakan Pemulihan (PKPP) di Wisma Pertahanan di sini semalam.

Pelaksanaan PKPD di Penjara Reman dan Kuarters Penjara Reman bermula pada 15 Oktober hingga 28 Oktober lepas sebelum dilanjutkan sehingga 11 November.

Mengenai Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah di Lahad Datu, Ismail Sabri berka-

ta, KKM mendapati tiada lagi kes positif Covid-19 baharu di kedua-dua lokasi dalam tempoh 18 hari lepas.

Beliau berkata, pada 9 November lepas, kerajaan melanjutkan PKPD di kedua-dua kawasan sehingga 23 November ini atas nasihat dan penilaian KKM kerana masih menunggu keputusan sampel saringan yang belum diperolehi ketika itu.

"Bagaimanapun, sehingga 10 November, KKM mendapati kesemua keputusan 5,189 sampel saringan kedua telah diperolehi dengan kesemuanya negatif, maka atas nasihat dan penilaian risiko yang dilakukan KKM, sidang khas hari ini (semalam) bersetuju untuk menamatkan PKPD di kawasan itu," katanya. - *Bernama*

## PM tinjau PKPD Medan 88 Bandar Baru Salak Tinggi

SEPANG - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam membuat tinjauan di Medan 88 Bandar Baru Salak Tinggi di sini, yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula semalam.

Ketibaan Muhyiddin pada jam 9 pagi disambut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman.

Turut hadir Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Sebelum memulakan tinjauan, Muhyiddin diberi taklimat oleh Dr Sha'ari berhubung profil kawasan berkeluasan kira-kira 2.64 hektar yang menempatkan 284 premis itu, dengan kira-kira 800 penduduk, majoritinya adalah warganegara.

Beliau yang memakai set peralatan perlindungan diri (PPE) meluangkan masa kira-kira setengah jam meninjau kawasan PKPD berkenaan.

Muhyiddin juga dilihat sempat bertanyakan khabar dengan salah seorang penduduk, Ahmad Bahiyuddin Syafiq Ahmad Rosdi, 23, yang melakukan ujian swab.



Muhyiddin (kiri) bertanya khabar kepada seorang penduduk, Ahmad Bahiyuddin Syafiq yang sedang menunggu giliran untuk membuat saringan semasa membuat tinjauan ke Pusat Saringan Covid-19 di pusat perniagaan Medan 88 Bandar Salak Tinggi, Sepang yang dikenakan PKPD semalam.

Beliau turut berkongsi pengalamannya menjalani ujian swab berkali-kali kepada Ahmad Bahiyuddin Syafiq sambil berkata, kos ujian swab koronavirus (Covid-19) di fasiliti swasta boleh mencecah sehingga RM300.

Sementara itu, Dr Sha'ari ketika ditemui media berkata, pihaknya mengesan dua kes positif di kawasan berkenaan pada 4 Oktober lepas dan sejak itu pengesanan kes secara aktif dijalankan dan hasilnya 113 orang sudah disaring dengan 35.3 peratus atau seramai 40 orang disahkan positif.

"Ini kadar yang agak tinggi

(sebab itu) kita mencadangkan diadakan saringan secara berkala iaitu targeted (bersasar) dan juga sudah mobilised (menge-rah) 60 orang kakitangan untuk bertugas di kawasan ini.

"Kita berharap aktiviti ini dapat memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Rina berkata, pihaknya menyediakan 500 bakul makanan yang akan diedarkan kepada penduduk setempat dan pihaknya akan menyediakan bantuan mengikut keperluan penduduk dari masa ke masa.

- *Bernama*

## 246 individu masuk ke Kelantan dipakaikan gelang pink, hijau

KOTA BHARU - Sehingga kelmarin seramai 246 individu yang memasuki Kelantan dari zon merah dipakaikan gelang merah jambu dan hijau sejak pemakaiannya dikuatkuasakan pada Isnin lalu di negeri itu.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Husin berkata, terdapat 234 individu dipakaikan gelang merah jambu manakala 12 lagi adalah gelang hijau.

Menurutnya, selain dipakaikan gelang mereka juga wajib menjalani ujian swab di empat sekatan jalan raya di pintu masuk ke Kelantan iaitu di Pasir Puteh (dua), Jeli, Gua Musang termasuk di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa.

"Dari segi pematuhan oleh individu yang memakainya, kita mendapati sejak dikuatkuasakan mereka masih akur dengan peraturan dan pihak polis juga sentiasa membuat pemantauan di tempat-tempat awam," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu beliau mengha-

dirinya Mesyuarat Majlis Kesela-

matan Negara negeri Kelantan di Kompleks Kota Darulnaim. Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, seramai 25 pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia bertugas di setiap pintu masuk manakala 50 pegawai lagi ditempatkan di LTSIP untuk menjalani pemeriksaan bagi menangani penularan wabak Covid-19 di Kelantan.

Berkaitan perkembangan semasa Covid-19 di Kelantan yang mencatatkan sembilan kes terbaharu kelmarin, Dr Zaini meminta agar rakyat negeri ini terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Setakat ini keadaan masih terkawal. Harap rakyat patuh SOP, jaga penjarakan fizikal, pakai pelitup muka dan elak berada di tempat sesak.

"Saya merasakan masyarakat sudah memahami SOP yang digariskan cuma tinggal macam mana hendak membudayakan.

"Paling penting sekarang kita jaga kita dan putuskan rantaian Covid-19 di Kelantan dan elakkan daripada jangkitan wabak ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : GLOBAL

### Vanuatu catat kes pertama Covid-19

**PORT VILA** - Vanuatu buat kali pertama merekodkan kes positif coronavirus (Covid-19) semalam, hampir setahun selepas wabak itu mula dikesan di Wuhan, China.

Pegawai kesihatan berkata, kes pertama itu membabitkan seorang pesakit lelaki berusia 23 tahun yang baru pulang ke tanah air dari Amerika Syarikat (AS) dan diuji positif kelmarin serta telah diarah menjalani kuarantin.

Sehubungan itu, Perdana Menteri Bob Loughman memberi jaminan bahawa keadaan adalah terkawal.

Negara kepulauan Pasifik itu menutup pintu sempadannya pada Mac lalu dalam usaha mengekang penularan wabak yang setakat ini meragut lebih 1.2 juta orang di seluruh dunia. - *AFP*

---

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Salak Tinggi kena Temco

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Selepas 39 kes positif Covid-19 direkodkan di Medan 88, Salak Tinggi, Sepang, Selangor, kerajaan memutuskan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) di kawasan tersebut berkuat kuasa hari ini hingga 25 November ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berka-

ta, pelaksanaan Temco itu melibatkan sebanyak 88 unit rumah kedai, 284 premis dan 800 penduduk.

Katanya, perintah itu bagi membolehkan saringan bersasar dan mengawal pergerakan individu bagi memutuskan penularan Covid-19 dalam komuniti.

